

02 AUG 1997

KEMENTERIAN SEDIAKAN GARISPANDUAN PROJEK TERNAK IKAN DALAM SANGKAR

KUALA TERENGGANU, 2 Ogos (Bernama) -- Kementerian Pertanian akan mengeluarkan satu garis panduan mengenai projek ternakan ikan dalam sangkar di sungai dan laut.

Menteri berkenaan Datuk Dr Sulaiman Daud berkata garis panduan itu dapat membantu penternak memastikan hasil ternakan mereka tidak mencemari alam sekitar dan mengikut landasan yang ditetapkan kerajaan.

"Garis panduan itu adalah untuk semua negeri," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak ekspo Perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat kebangsaan di Taman Syah Bandar di sini hari ini.

Perayaan itu akan diadakan dari 7 hingga 11 Ogos ini.

Sulaiman juga berkata kementerian mengenalpasti beberapa buah kawasan berpotensi bagi projek ternakan ikan dalam sangkar secara komersil yang akan diusahakan sebuah syarikat Bumiputera sementara kementerian akan memberikan khidmat nasihat.

Ketika diminta mengulas kejadian beratus-ratus ekor ikan ternakan dalam sangkar yang mati di Sungai Nerus, beliau berkata kementerian sedang menunggu laporan daripada Jabatan Perikanan dan Jabatan Alam Sekitar mengenainya dan akan memberikan bantuan kepada penternak terbabit.

Sulaiman juga berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan pertemuan pada pertengahan bulan ini dengan sekurang-kurangnya 15 pegawai kementerian mengenai lawatannya ke Jepun baru-baru ini.

Perbincangan akan ditumpukan kepada tinjauan Dr Mahathir mengenai teknologi terkini yang digunakan dalam bidang tertentu pertanian di negara itu. -- BERNAMA

SBS RON